

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (20)

7 Oktober 2015  
23 Zulhijjah 1436H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 25/2015

### PEMINDAHAN PENTADBIRAN *TUN GHAFAR BABA RESIDENCE* (TGBR) KE *BUSINESS DEVELOPMENT UNIT* (BDU) DI BAWAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 17/2015 bertarikh 20 Ogos 2015 telah bersetuju meluluskan pemindahan pentadbiran *Tun Ghafar Baba Residence* (TGBR) ke *Business Development Unit* (BDU) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Antara objektif penubuhan TGBR adalah seperti berikut:

- i) Salah satu strategi penjanaaan pendapatan universiti
- ii) Membantu menampung permohonan penyewaan daripada agensi luar
- iii) Memberi peluang kepada pihak luar (contohnya sekolah, agensi kerajaan dan swasta) untuk menyewa TGBR dengan kadar yang berpatutan.

2. Untuk makluman, urusan pentadbiran TGBR sebelum ini adalah di bawah Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa. Lanjutan daripada pemindahan ini, urusan surat menyurat hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengarah *Business***  
***Tun Ghafar Baba Residence***  
***d/a Business Development Unit***  
**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)**  
**Aras 4, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim**  
**Universiti Teknologi Malaysia**  
**81310 Johor Bahru**

3. Sehubungan itu, semua staf diminta untuk mengambil maklum mengenai perubahan ini dan segala urusan berkaitan dengan TGBR hendaklah dimajukan melalui Pejabat *Business Development Unit* (BDU). Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai **15 Oktober 2015**.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k. - YBhg. Naib Canselor  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur  
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah